

16 MAR 1996

Anwar-Rundingan

ANWAR RUNDING DENGAN EMPAT MENTERI

Oleh: Syed Imran Alsagoff

KYOTO, 16 Mac (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini mengadakan rundingan dua hala dengan empat orang menteri kewangan negara-negara forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC).

Rundingan dua hala itu diadakan sempena mesyuarat ketiga menteri kewangan APEC yang bermula esok.

Menteri berkenaan ialah Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Jepun Wataru Kubo, Setiausaha Perbendaharaan Amerika Syarikat Robert Rubin, Timbalan Menteri Kewangan Chile Manuel Marfan dan Menteri Kewangan Australia Peter Costello.

Dalam rundingannya dengan Kubo, Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata beliau telah membangkitkan masalah imbalan perdagangan dan kesan daripada kenaikan Yen.

Katanya Kubo telah menyebut tentang pengurangan kadar faedah bagi pinjaman Yen tetapi, kata Anwar, beliau memberitahu Kubo yang Malaysia tidak berhajat untuk membuat pinjaman baru

"Ini kerana kedudukan kewangan negara sudah baik dan kita tidak perlukan pinjaman," kata Anwar kepada wartawan Malaysia yang membuat liputan mesyuarat itu.

Bagaimanapun, Anwar memberitahu Kubo bahawa bagi pinjaman yang dibuat lama dahulu kadar faedahnya kini membebankan akibat daripada kenaikan nilai Yen.

Mengenai persidangan esok, Anwar memberitahu Kubo dan Robert Rubin bahawa APEC akan berkesan sekiranya ruang perundingan cukup luas dan tidak ada keputusan yang dibuat terburu-buru sebelum ada muafakat antara negara anggota.

Kata Anwar kesedaran harus ada untuk melihat perkembangan ekonomi yang berlaku pada pelbagai peringkat kemajuan, maka tidak harus ada satu penyelesaian mudah bagi semua masalah yang dihadapi.

Anwar berkata beliau berpuas hati dengan hasil perbincangan dengan Kubo dan Setiausaha Perbendaharaan Amerika Syarikat itu.

Anwar berkata nampaknya ada kecenderungan untuk melihat forum APEC bagi Menteri Kewangan ini sebagai tempat untuk mengadakan perbincangan dan persefahaman tentang beberapa isu kewangan yang juga melibatkan soal ketidak-stabilan tukaran asing terutama yang melibatkan Yen dan Dollar Amerika.

Mengenai rundingannya dengan Marfan, Anwar berkata mereka lebih banyak membincangkan usaha untuk meningkatkan kerjasama.

Katanya Chile lebih cenderung untuk melihat pengalaman Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC) dan beliau (Anwar) telah mengarahkan supaya maklumat terperinci diadakan.

Dalam rundingannya dengan Costello, Anwar berkata ia sekadar memulakan satu bentuk kerjasama yang lebih akrab.

Menurut Anwar, Costello yang juga Timbalan Presiden Parti Liberal Australia telah menunjukkan sikap dan kesediaannya untuk meningkatkan kerjasama dua hala Australia-Malaysia.

Costello juga menyampaikan penghargaan bagi pihak Perdana Menteri negara itu John Howard atas kesudian Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk singgah di Australia dalam perjalanan dari New Zealand minggu depan.

Mengenai lawatannya ke Korea Selatan sebelum ke sini, Anwar berkata semasa di negara itu beliau telah membangkitkan beberapa isu ekonomi

kepentingan bersama.

Beliau juga berkata bahawa Korea harus mempertingkatkan kerjasama dalam bidang latihan dan pemindahan teknologi selain soal perniagaan dan mendapatkan kontrak pembinaan di Malaysia. -- BERNAMA

SIA NMO